

Hak Kebebasan Individu Dan Kepentingan Masyarakat Perlu Seimbang - Najib Bernama
7 April, 2013

PUTRAJAYA, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata hak kebebasan individu dan kepentingan masyarakat perlu diseimbangkan supaya Malaysia dapat dianggap sebagai sebuah negara demokratik yang matang.

Bagi mencapai matlamat itu, Perdana Menteri berkata pihak polis perlu menunaikan tanggungjawab mereka secara profesional dan menghormati hak asasi rakyat.

Beliau berkata hari ini rakyat mempunyai tuntutan yang lebih besar serta mahukan agar hak asasi mereka diberi pertimbangan supaya mereka dapat menikmati kebebasan yang sepenuhnya.

Malah, rakyat mahu pihak polis meningkatkan tahap dedikasi dan profesionalisma supaya hak asasi rakyat dihormati, katanya.

"Saya percaya inilah keseimbangan antara kebebasan individu dan kepentingan masyarakat secara keseluruhannya," katanya semasa berucap di majlis Ramah Mesra Perdana Menteri bersama pesara Pegawai-pegawai Tinggi Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Sri Perdana di sini hari ini.

Majlis itu dihadiri kira-kira 500 bekas pegawai kanan polis termasuk tiga bekas Ketua Polis Negara -- Tun Mohd Hanif Omar, Tan Sri Abdul Rahim Noor dan Tan Sri Norian Mai.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar dan timbalannya Tan Sri Khalid Abu Bakar.

"Ini perjalanan yang amat mencabar, ia bukan mudah, kalau kita pilih jalan yang mudah kita tidak akan lakukan perubahan, namun jika tidak lakukan perubahan semasa rakyat menuntutnya, maka akan berlaku pertembungan antara rakyat dan kerajaan, ini sudah tentu tidak sihat," kata Najib.

Misalnya, katanya, pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang dituntut rakyat bukan bermakna kerajaan kehilangan kuasa untuk memerangi jenayah dan anasir subversif yang cuba menggugat keamanan negara.

Najib berkata apabila sesebuah kerajaan boleh meniti jambatan perubahan itu seiring dengan kehendak dan tuntutan rakyat, maka rakyat akan lebih menghargai kerajaan dan juga polis.

Menurutnya, itu sebabnya kerajaan memberi penekanan kepada kewujudan sebuah pasukan polis yang mesra rakyat, dengan setiap kehadiran mereka bukan untuk ditakuti atau dibimbangi ramai, sebaliknya kehadiran mereka perlu dianggap sebagai menjamin keselamatan dan keamanan.

Perdana Menteri berkata perubahan dan pembaharuan yang kekal dan bermakna hanya dapat berlaku sekiranya ia berpaksi kepada kehendak rakyat secara keseluruhannya.

Menurutnya perubahan secara kejutan telah mencetuskan keadaan tidak menentu di beberapa negara di Timur Tengah dan Afrika dan sebaliknya Malaysia kekal aman apabila pembaharuan dilakukan secara sistematik dan tersusun.

Beliau berkata pembaharuan yang dijalankan oleh kerajaan menerusi program transformasi kerajaan dan tranformasi ekonomi bukan atas kehendak pimpinan semata-mata malah berpaksi kepada kehendak dan tuntutan rakyat.

Najib berkata memandangkan semua inginkan sebuah negara yang aman dan selamat maka kerajaan memberi keutamaan tinggi terhadap usaha memerangi jenayah secara berterusan dengan melakukan penambahbaikan pasukan polis.

Beliau berkata masih ramai bekas pegawai kanan polis setia bersama kerajaan dan secara sinis memperakui bahawa ada satu atau dua bekas pegawai kanan yang tidak lagi menyokong kerajaan.

Sementara itu, Najib berkata beliau akan melawat Lahad Datu, Sabah, pada 13 April ini untuk meninjau sendiri keadaan balai-balai polis yang baru didirikan dengan pantas di sekitar kawasan berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940196>